

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

06.05.2016

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

CHINA OUHUA WINERY HOLDINGS LIMITED (“CHINA OUHUA”)

Lembaga Pengarah China Ouhua memaklumkan Tetuan Helmi Talib & Co., Juruaudit Luar China Ouhua, telah mengeluarkan laporan bersyarat bagi Penyata Kewangan diaudit syarikat itu bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Kumpulan China Ouhua telah menandatangani kontrak untuk membeli tanah, bangunan dan kemudahan sampingan dengan balasan tunai sebanyak RMB132,000,000 (“Aset”) dan Kumpulan telah membayar deposit sebanyak RMB118,800,000 yang mewakili 90% daripada jumlah harga balasan tunai, yang diberikan kepada pejabat daerah Huangwu Sub, Republik Rakyat China. Walau bagaimanapun, penilaian profesional bebas untuk Aset yang diperolehi itu tidak dilakukan.

Berikutan ketiadaan penilaian bebas, Juruaudit Luar tidak dapat memastikan sama ada jumlah boleh diperolehi bersih untuk aset yang diperolehi melebihi jumlah balasan pembelian. Di samping itu, Juruaudit Luar juga tidak berjaya mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memuaskan hati mereka terhadap tahap kutipan semula deposit yang berjumlah RMB118,800,000 sekiranya transaksi itu tidak diselesaikan.

[Sumber: Pengumuman China Ouhua di laman web Bursa Malaysia pada 29 April 2016]

KOMEN MSWG:

Kami berasa bimbang apabila mendapat tahu satu lagi syarikat yang beribu pejabat di China diberikan laporan bersyarat oleh juruaudit berikutan transaksi berkaitan hartanah. Apabila kami menyemak semula penyata kewangan China Ouhua untuk tahun-tahun terdahulu, kami mendapati juruaudit yang sama telah memberikan laporan bersyarat yang serupa bagi tempoh tiga tahun kewangan berturut-turut sejak tahun kewangan berakhir 2013. Mengapakah syarikat mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan transaksi itu dan mengapakah tiada pendedahan dibuat mengenai perkembangan terkini transaksi tersebut? Mengapakah syarikat meletakkan deposit sebanyak 90% dan bukannya 10% seperti kebiasaan dan mengapakah syarat-syarat perjanjian itu tidak pernah didedahkan?

CLIQ ENERGY BERHAD (“CLIQ ENERGY”)

Lembaga Pengarah CLIQ Energy (yang diwakili oleh para pengarah yang tidak mempunyai konflik untuk membuat keputusan bagi pihak syarikat) telah menyediakan maklumat terkini, antara lain,

mengenai status petisyen (“Petisyen”) kepada Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur (“Mahkamah Tinggi”) untuk menggulung syarikat:

1. Rasional bagi syarikat itu untuk meneruskan penggulangan oleh mahkamah menurut Seksyen 218(1)(h) Akta Syarikat 1965 (“Akta”) adalah disebabkan peruntukan dalam Seksyen 218(1)(h) yang mengatakan sekiranya ada tempoh tetap yang diperuntukkan dalam Tataurus Persatuan syarikat dan apabila tempoh itu tamat, mahkamah boleh memerintahkan supaya syarikat itu digulung.
2. Prosiding penggulangan syarikat telah bermula pada 25 April 2016, iaitu tarikh Petisyen itu difailkan di mahkamah.
3. Syarikat menjangka untuk mendapatkan perintah Mahkamah bagi penggulangan syarikat dan pelantikan penyelesaian (“Perintah Mahkamah”) pada 31 Mei 2016, iaitu tarikh perbicaraan.
4. Setelah mendapat Perintah Mahkamah antara lain:
 - i) En. Onn Kien Hoe dan/atau En. Mok Yuen Lok dari Crowe Horwath Advisory Sdn. Bhd. akan dilantik sebagai penyelesaian bagi Syarikat (“Penyelesai Cadangan”); dan
 - ii) Para Penyelesai akan dibenarkan membuat bayaran dan/atau mengambil langkah yang perlu untuk memenuhi syarat yang diperuntukkan di bawah Perkara 61C(7) dalam Tataurus syarikat dan membuat pembayaran interim dalam jumlah yang besar kepada pemegang saham yang layak.

Pemegang saham dinasihatkan supaya berhati-hati ketika berurus niaga dalam saham CLIQ Energy berikutan perbicaraan Petisyen yang akan datang pada 31 Mei 2016 ini.

[Sumber: Pengumuman Cliq Energy di laman web Bursa Malaysia pada 29 April 2016]

KOMEN MSWG:

Berikut adalah senarai terkini syarikat SPAC yang disenaraikan di Bursa Malaysia:

No	Syarikat	Tarikh penyenaian	Tarikh Pemerolehan Berkelayakan	Status
1	Hibiscus Petroleum Berhad	25 Julai 2011	18 April 2012	Syarikat telah berubah daripada SPAC menjadi sebuah syarikat carigali dan pengeluaran minyak dan gas yang beroperasi sepenuhnya dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia.
2	Cliq Energy Berhad	10 April 2013	-	SC menolak permohonan untuk melanjutkan masa yang dibuat oleh syarikat ini.
3	Sona Petroleum Berhad	30 Julai 2013	-	Cadangan pengambilalihan telah ditolak oleh para pemegang saham dalam EGM yang diadakan pada 28 April 2016.
4	Reach Energy Berhad	15 Ogos 2014	-	Syarikat sedang menunggu kelulusan daripada SC dan pemegang saham syarikat bagi cadangan pengambilalihan berkelayakan.
5	Red Sena Berhad	10 Disember 2015	-	Syarikat sedang menunggu pengumuman cadangan pengambilalihan berkelayakan.

Kami akan memberikan maklumat terkini yang berkaitan dengan SPAC dalam tempoh beberapa minggu akan datang.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG tidak mempunyai sebarang pegangan saham di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.